

# UPM PUSAT PENGAJIAN CAKNA ALAM SEKITAR


Universiti Putra Malaysia (UPM) menduduki tangga ke-25 bagi UI-GreenMetric World University Ranking 2022 Top 50 Sustainable Universities sekali gus mengekalkan statusnya sebagai universiti terbaik Malaysia dalam senarai itu.

Malah universiti itu sebelum ini berada ditangga 27 universiti paling lestari dunia mencatatkan kenaikan dua anak tangga seperti yang diumumkan badan penarafan dunia UI GreenMetric. Di mana memfokuskan kepada enam skop utama iaitu infrastruktur, tenaga dan perubahan cuaca, sisa buangan, air, pengangkutan dan pendidikan.

Pada masa sama universiti itu kini dalam

usaha memperkasa penggunaan tenaga boleh diperbaharui turut diiktiraf Malaysia Book of Record (MBOR) bagi projek Agrovoltaic iaitu projek solar yang menempatkan pokok herba sebagai sumber penyejuk panel solar selain mempunyai bumbung tempat letak kereta yang diperbuat daripada panel solar.

Naib Canselor UPM Datuk Profesor Dr Mohd Roslan Sulaiman berkata, kejayaan UPM dalam mengekalkan universiti paling lestari selama 13 tahun berturut-turut adalah komitmen jitu universiti dalam memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Selain terus diperkasakan melalui pelbagai aktiviti



UPM menaiki anak tangga ke-25 dalam UI-GreenMetric World University Ranking 2022.

pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

“UPM akan terus berusaha untuk menjadi kampus yang bukan sahaja memfokuskan pada pencapaian akademik semata-

mata, tetapi berperanan sebagai institusi ilmu yang melahirkan insan yang cakna terhadap pemuliharaan alam sekitar,” katanya.

Penarafan yang diumumkan pada 12 Disember lalu itu turut mengumumkan universiti itu berada di tempat kedua sebagai universiti paling lestari di Asia, naik satu anak tangga dari tahun sebelumnya, 2021.

Pencapaian ini adalah selaras dengan Matlamat Ke-5 Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampunan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau.

Sepanjang 2022, lebih banyak penyertaan universiti-universiti dari seluruh negara yang dilaporkan iaitu sebanyak 1,050 sekali gus universiti membuktikan sokongan institusi pendidikan dalam menyokong agenda kelestarian.